

15 AUG 1996

LIMA PULUH RIBU KAD UCAPAN UNTUK DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat selaku Sekretariat Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri hari ini menerima 50,000 poskad tajaan daripada Chase Perdana Bhd.

Menteri berkenaan Datin Paduka Zaleha Ismail kad-kad itu akan diagihkan kepada semua lapisan masyarakat bagi membolehkan mereka menyatakan ucapan masing-masing sebelum dihantar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai menghargai 15 tahun kepimpinan beliau.

"Sebagai bangsa yang bijak menilai jasa seseorang pemimpin, kita membalas budi dan menyatakannya dengan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri," katanya pada majlis penyerahan poskad itu, di sini.

Beliau berkata ucapan terima kepada Perdana Menteri itu merupakan cara rakyat Malaysia membalas budi pemimpin yang telah banyak membawa pembangunan negara sehingga dikenali dunia.

Poskad berkenaan diagihkan kepada Institut Teknologi Mara (ITM), Persatuan Bina Badan Malaysia, Sekolah Rendah Taman Tun Dr Ismail, Sekolah Menengah Padang Tembak, Hotel Istana dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mulai 11 hingga 27 Ogos ini, tiga akhbar tempatan iaitu New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia menyiarkan borang ucapan itu untuk menggalakkan masyarakat mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri.

Tarikh akhir kiriman ucapan kepada sekretariat itu ialah 31 Ogos ini.

-- BERNAMA

SAA NAK